



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PRINSIP PERAKAUNAN**  
**KOD KURSUS : DSM1033**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (50 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Terdapat badan profesional perakaunan yang berfungsi untuk mengembangkan bidang perakaunan dan melahirkan akauntan yang bertauliah di Malaysia. Apakah badan profesional tersebut?
  - A Institut Akauntan Malaysia (Malaysia Institute of Accountants) – MIA.
  - B Standard Laporan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Reporting Standards) – MFRS.
  - C Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standard Board) – MASB.
  - D Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (Malaysian Institute of Certified Publics 3 Accountants) – MICPA.

2. Maklumat berikut menunjukkan ciri sebuah perniagaan.

- Minimum 50 – tiada had.
- Keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen.
- Liabiliti terhad setakat sumbangan modal yang disumbangkan.

Manakah nama perniagaan yang sesuai dengan ciri-ciri di atas?

- A Koperasi KYPJ.
  - B Spa kecantikan Meya.
  - C Kedai Alatan Pejabat Mega Jaya.
  - D Syarikat Nizam Bersaudara Sdn Bhd.
3. Pilih pernyataan yang paling tepat tentang perakaunan.
  - A Meliputi proses simpan kira sahaja.
  - B Perancangan dan kawalan terhadap aktiviti perniagaan.
  - C Aktiviti merekod urus niaga berdasarkan sistem catatan bergu.
  - D Mencakupi simpan kira, mentafsir dan melapor maklumat kewangan.

4. Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan Isani.

Perniagaan Isani telah menetapkan pengiraan peruntukan hutang ragu sebanyak 3% setiap tahun atas penghutang bersih.

Apakah konsep perakaunan yang dipatuhi oleh beliau?

- A Ketekalan.
  - B Prinsip kos.
  - C Entiti berasingan.
  - D Kebolehpercayaan.
5. Encik Firas, seorang pemilik perniagaan menjual alat memancing telah merekodkan perabot peribadi yang telah dibawa masuk ke dalam perniagaannya sebagai modal tambahan.

Apakah andaian konsep perakaunan yang diamalkan oleh Encik Firas?

- A Akruan.
  - B Materialiti.
  - C Entiti ekonomi.
  - D Tempoh perakaunan.
6. Kumpulan akaun manakah yang merupakan aset semasa?
- A Komisen terdahulu, Alat tulis, bank.
  - B Gaji terakru, pelaburan, penghutang.
  - C Sewa terdahulu, inventori akhir, tunai di tangan.
  - D Dividen diterima terdahulu, tunai, promosi terakru.

7. Antara klasifikasi akaun berikut yang manakah **betul**?

	Liabiliti Semasa	Liabiliti Bukan Semasa
I	Insurans terakru	Gadai Janji
II	Gaji pekerja terdahulu	Pinjaman bank
III	Inventori awal	Faedah atas simpanan terakru
IV	Kadar bayaran terakru	Pinjaman jangka masa panjang

- A I dan II
- B I dan III
- C I dan IV
- D II dan III

8. Urus niaga berikut diperolehi daripada Butik Qasrina.

Menerima bayaran daripada Kedai Kain Jaya RM2,300 dengan cek selepas diskaun sebanyak RM200.

Apakah kesan urus niaga tersebut?

	Debit (RM)	Kredit (RM)
<b>A</b>	Bank 2,300 Penghutang 2,500	Diskaun diterima 200
<b>B</b>	Bank 2,300 Diskaun diberi 200	Penghutang 2,500
<b>C</b>	Bank 2,300 Penghutang 200	Diskaun diterima 2,500
<b>D</b>	Penghutang 2,500	Bank 2,500 Diskaun diberi 200

9. Hutang lapuk ialah
- I. hasil bagi perniagaan
  - II. belanja bagi perniagaan
  - III. hutang lapuk yang dihapus kira
  - IV. hutang lapuk yang dapat dikutip semula
- A I dan II
  - B II dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
10. Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?
- A Merekodkan baki buku tunai dan baki penyata bank
  - B Menyelaraskan baki buku tunai dan baki penyata bank
  - C Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek
  - D Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang

**[10 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

a. Perakaunan merupakan proses perekodan urus niaga perniagaan yang amat penting dalam sesebuah organisasi. Berikan **tiga (3)** tujuan sesuatu rekod perakaunan itu perlu disediakan bagi setiap perniagaan.

(3 markah)

b. Pengguna maklumat perakaunan terdiri daripada pengguna luaran dan pengguna dalaman. Bincangkan keperluan pengguna maklumat perakaunan berikut terhadap maklumat perakaunan syarikat.

- i. Pelabur
- ii. Pengurus syarikat
- iii. Pekerja

(6 markah)

c. Nyatakan konsep perakaunan yang bersesuaian mengikut situasi yang diberikan.

	Situasi	Konsep Perakaunan
1.	Nilai alatan pejabat di dalam penyata kedudukan kewangan Amar Trading direkod pada nilai asal alatan pejabat itu dibeli.	
2.	Akauntan menggunakan kaedah atau prinsip perakaunan yang sama sepanjang tempoh perakaunan.	
3.	Kedai Cahaya merekod semua belanja yang berlaku pada akhir tempoh perakaunan walaupun belanja tersebut belum dibayar.	
4.	Maju Sdn. Bhd. akan memastikan hanya transaksi yang boleh diukur dengan nilai mata	

	wang sahaja yang akan direkod di dalam penyata kewangan.	
5.	Pemilik perniagaan membayar sewa rumahnya dan transaksi ini tidak diiktiraf sebagai transaksi perniagaan.	
6.	Syarikat Aiman akan terus berkembang maju dan tidak akan muflis.	

(6 markah)

**SOALAN 2**

Berikut merupakan senarai akaun daripada perniagaan Aily Enterprise.

<b>Butiran</b>	<b>(RM)</b>
Bank	5,000
Modal	50,000
Belian	7,000
Jualan	14,000
Tanah dan bangunan	210,000
Ambilan	200
Penghutang	2,000
Pemiutang	3,200
Komisen diterima	100
Bil air dan elektrik	400
Pinjaman bank	50,000
Cukai	2,200
Inventori	7,000

Klasifikasikan butiran di atas kepada aset, belanja, liabiliti, ekuiti pemilik, dan hasil berserta nilainya dengan menggunakan format di bawah.

<b>Aset</b>	<b>Belanja</b>	<b>Liabiliti</b>	<b>Ekuiti pemilik</b>	<b>Hasil</b>
				Contoh : Sewa diterima RM600

(13 markah)



**SOALAN 3**

Berikut merupakan beberapa transaksi perniagaan.

Tarikh	Transaksi
Nov 2021	
(Contoh)	<b>Pemilik memulakan perniagaan dengan tunai di bank berjumlah RM250,000.</b>
5	Membayar kesemua hutang RM6,420 kepada pembekal Khai Holdings dengan cek dan mendapat diskaun 10% sebanyak RM642.
9	Pemilik membeli barang niaga daripada Balson Enterprise bernilai RM7,500 dan hanya membayar RM500 dengan tunai. Selebihnya pemilik berhasrat untuk berhutang.
12	Pemilik membayar tunai belanja utiliti perniagaan dan gaji pekerja bernilai RM2,340 dan RM5,500 masing-masing.
20	Pemilik membawa masuk meja pejabat peribadi bernilai RM4,300 dan menambah tunai di tangan sebanyak RM6,000 ke dalam perniagaan sebagai tambahan modal.

**Dikehendaki:**

Kenal pasti kesan (bertambah/berkurang) urus niaga di atas terhadap aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil dan belanja dan nyatakan catatan jurnal (debit/kredit) bagi setiap urus niaga beserta nilai mengikut format dibawah.

Tarikh	Kesan		Jurnal	
	Bertambah	Berkurang	Debit	Kredit
(contoh)	Aset		Bank 250,000	
	Ekuiti			Modal 250,000

(12 Markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

Vivy La Vida Enterprise adalah perniagaan kosmetik terkenal di Kuala Lumpur. Berikut merupakan maklumat perakaunan untuk Vivy La Vida Enterprise pada 30 Jun 2021.

<b>Vivy La Vida Enterprise</b>		
<b>Imbangan Duga pada 30 Jun 2021</b>		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Peralatan pejabat	15,000	
Lot Kedai	120,000	
Tanah	500,000	
Susut nilai terkumpul pada 1 Julai 2020:		
Peralatan pejabat		5,500
Lot kedai		40,000
7% Pinjaman dari Bank Mesra Bhd		250,000
Belian	93,650	
Jualan		220,000
Penghutang	25,200	
Pemiutang		45,000
Belanja penghantaran	1,450	
Angkutan Masuk	1,030	
Inventori pada 1 Julai 2020	12,000	
Diskaun diterima		6,350
Diskaun diberi	3,200	
Komisen diberi	3,400	
Pulangan jualan	1,400	
Pulangan belian		1,130
Belanja Iklan	5,250	
Insurans	2,400	
Gaji	29,150	
Bank	35,460	
Modal		259,560
Ambilan	1,500	
Sewa diterima		27,550
Tunai	5,000	
	<b>855,090</b>	<b>855,090</b>

**Maklumat tambahan:**

- i) Seorang pekerja kontrak yang mempunyai gaji sebanyak RM550 sebulan belum menerima gaji bulan Jun 2021.
- ii) Insurans telah dibayar awal sebanyak RM500.
- iii) Faedah atas pinjaman bank adalah sebanyak 7% setiap tahun telah dibayar. Tiada sebarang rekod pembayaran dibuat.
- iv) Kos angkutan masuk sebanyak RM250 termasuk dalam kos penghantaran.
- v) Susut nilai adalah seperti berikut:
  - a. Peralatan Pejabat : RM1,500
  - b. Lot Kedai : RM7,500
- vi) Inventori pada 30 Jun 2021 adalah sebanyak RM10,900.

**Sediakan:**

- a) Catatan pelarasan. (6 markah)
- b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. (13 markah)
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021. (11 markah)

**SOALAN 2**

Berikut merupakan ringkasan sebahagian buku tunai (baki bank) dan penyata bank bagi Genius Brain Sdn. Bhd. untuk bulan Oktober 2021.

**Buku Tunai (ruangan bank)**

2021 Okt	Butiran	No Cek	RM	2021 Okt	Butiran	No Cek	RM
1	Baki b/b		652				
2	Jualan		1,764	10	Ben Ladin	620904	789
7	Adli	620902	1,760	24	Syerif	620905	2,101
16	Khadijah	054890	3,167	29	Belian	620907	812
22	Jualan		1,182	30	Bil elektrik dan air	620908	751
29	Jualan		603	31	Baki h/b		4,675
			<b>9,128</b>				<b>9,128</b>

**Genius Brain Sdn Bhd****Penyata Bank bagi bulan berakhir Oktober 2021**

Oktober	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
1	Baki b/b			652
2	Deposit Tunai		1,764	2,416
15	620902	1,760		656
18	Cek Deposit - 054890		3,167	3,823
18	620904	789		3,034
19	Arahan tetap	612		2,422
20	Kutipan bank		1,418	3,840
26	620905	2,101		1,739
31	Caj bank	42		1,697

**Maklumat Tambahan :**

1. Arahan tetap adalah belanja insurans.
2. Cek 620902 yang dikeluarkan kepada Adli berjumlah RM1,760 telah tersilap rekod dalam jurnal penerimaan tunai.
3. Syifa, seorang penghutang telah memasukkan RM1,418 terus ke dalam akaun bank perniagaan.

**Dikehendaki:**

- a. Sediakan buku tunai terlaras dan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2021.  
(16 markah)
- b. Terangkan maksud “cek tak layan” dan “cek belum dikemukakan”.  
(4 markah)

**[50 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**